

104 pelajar USIM harungi perjalanan 12 jam

JAKARTA - Seramai 104 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terpaksa menaiki bas selama 12 jam menuju ke bandar raya ini berikutan Lapangan Terbang Antarabangsa Adisucipto di Yogyakarta ditutup susulan letusan Gunung Berapi Kelud di Jawa Timur Khamis lalu.

Mereka terpaksa meredah perjalanan yang lama itu untuk ditempatkan di Dewan Malaysia Jakarta (MHJ) dua hari lalu sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Kesemua pelajar berkenaan yang turut diiringi tiga pegawai dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) sepatutnya berlepas pulang ke tanah air dari lapangan terbang berkenaan pada Sabtu lalu.

Pengarah Education Malaysia di Indonesia, Profesor Madya Dr. Juzhar Jusoh berkata, pihaknya mengambil inisiatif memindahkan kesemua peserta rombongan itu bagi memastikan keselesaan dan keselamatan mereka.

Menurut jadual asal, katanya, rombongan itu sepatutnya pulang ke Kuala Lumpur melalui lapangan terbang itu sebaik selesai menjayakan Program Pengembaraan USIM GISO 2014: Misi Bantuan Kemanusiaan Ke Yogyakarta selama enam hari.

Bagaimanapun, beliau berkata, berikutan debu akibat letusan Gunung Berapi Kelud menutupi ruang udara Yogyakarta, lapangan terbang tersebut ditutup dan semua penerbangan dibatalkan sehingga kini. - Bernama